

Tutor beri impak dalam pembelajaran

Oleh NORIZAN
ABDUL MUHID

pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 7 FEB.

AKHBAR pendidikan *Utusan Malaysia*, *Tutor* diyakini mampu menjadi alat bantuan pengajaran yang kukuh dan amat membantu pelajar mendapat akses kepada bahan ulang kaji yang komprehensif di sekolah mahu pun kegunaan di rumah.

Ia diperakui oleh pakar akademik yang terlibat secara langsung dalam bidang pendidikan seperti Profesor Dalam Digital Literasi dan e-Pembelajaran, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Datin Dr. Norizan Abdul Razak dan bekas Ketua Pengarah Pelajaran, Tan Sri Alimuddin Mohd. Dom yang juga Tokoh Guru Kebangsaan 2014.

Menurut Norizan, kandungan *Tutor* dibangunkan mengikut format semasa dan terkini bagi setiap mata pelajaran selain soalan serta konsepnya dibangunkan oleh panel guru pakar atau penggubal kertas soalan.

“Saya berpendapat akhbar pendidikan *Tutor* ini amat membantu pelajar mendapat bahan pembelajaran yang efektif selain mudah dan amat murah berbanding bahan rujukan pembelajaran lain yang terdapat di pasaran.

“Ciri-ciri utama bahan ini dimana *Tutor* dihasilkan dari guru penggubal malah soalan latih tubinya juga dari kelompok soalan *spot* yang jelas amat membantu pelajar mendapat tips



ALIMUDDIN MOHD. DOM NORIZAN ABDUL RAZAK

serta latihan yang bertepatan dengan keperluan peperiksaan,” katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini baru-baru ini.

Tutor merupakan program pendidikan selama 42 minggu yang disusun mengikut takwin persekolahan, bermula dengan latihan topikal pada peringkat awal, disulami dengan ujian sumatif, diagnostik serta set lengkap peperiksaan percubaan dari semasa ke semasa.

Panel khusus disediakan bagi menggubal soalan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) tahap UPSR sehingga SPM yang merentas penerbitan setiap minggu.

Tutor Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR), Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) diterbitkan setiap Isnin manakala *Tutor English* pada Selasa dan *Tutor Fokus A* pada Rabu. Kesemuanya dijual pada harga 60 sen.

Selain itu, menurut Norizan, *Tutor* UPSR mengandungi soalan latih tubi dan topikal berdasarkan format baharu UPSR malah lengkap dengan konsep ulang kaji iaitu - Tarik, Jawab, fail dan simpan.

“Saya melihat juga pelan rancangan belajar yang terkandung dalam *Tutor* juga membantu pelajar untuk merancang set latihan dengan efektif.

“Malah, pelajar boleh mendapat set soalan peperiksaan dan percubaan yang banyak sekali gus membantu pelajar memahami soalan dan teknik peperiksaan sebenar.

“Bagi set *Tutor Fokus A*, *Tutor PT3* dan *Tutor SPM*, pelajar dapat ulangkaji, bimbingan dan tip untuk menjawab soalan serta kupasan format dan soalan-soalan format, ini amat membantu pelajar untuk belajar di luar bilik darjah dan sesuai untuk pembelajaran sendiri atau bersama kumpulan,” kata beliau.

Sementara itu, Alimuddin turut memberi pandangan yang sama bahawa penerbitan *Tutor* oleh *Utusan Malaysia* dilihat berbeza dengan penerbitan pendidikan lain kerana ia dilengkapi format soalan berkaitan KBAT.

“*Tutor* amat bagus terutama dalam peranannya membimbing pelajar menghadapi peperiksaan selain menggunakan gambar dan rajah bagi menarik minat serta memudahkan kefahaman pelajar,” katanya.

Pada masa yang sama, beliau turut mengharapkan pihak sekolah khususnya guru dan ibu

bapa tidak melepaskan peluang mendapatkan naskah *Tutor* bagi memudahkan rujukan pembelajaran dijalankan sekali gus membolehkan para murid mempelbagaikan bahan rujukan yang sedia ada.